





Kementerian Penerangan,
Komunikasi dan Kebudayaan



Sari Pustaka



Sari Pustaka
Bil 4/2010

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NAZRI KADIR

Berfikir Gaya Trump

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2010.
251ms.

ISBN 978-967-5226-97-7

Berjaya menjadi orang yang berjaya? Kenapa perlu berjaya? Bagaimana hendak menjadi orang yang berjaya? Persoalan ini sudah tentu kerap kali berlebar dalam fikiran kita. Apa yang pasti, semua orang ingin mencapai kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi. Berbicara tentang kejayaan, bagaimana cara untuk kita merealisasikan kejayaan tersebut? Apakah strategi yang kita ada untuk memperoleh kejayaan tersebut? Adakah perlu berserah sahaja tanpa ada usaha untuk memperoleh kejayaan? Cuba tanya hati dan gunakan akal fikiran yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t. untuk mencipta kejayaan. Terserah kepada kita semua untuk menentukan berjaya atau tidak matlamat yang kita dambakan selama ini. Kebanyakan orang yang berjaya mempunyai beberapa strategi, rahsia, cara berfikir dan sebagainya untuk mencapai kejayaan dalam hidup mereka.

Berfikir Gaya Trump adalah karya Mohd Nazri bin Kadir yang pernah bertugas di salah sebuah bank di Malaysia dan kini bertindak sebagai jururunding dalam bidang kewangan. Kebolehan pengarang mencampur adukkan dunia psikologi dan dunia

perniagaan menjadikan buku ini sebuah karya yang amat menarik dan lebih realistik. Buku ini mengajar kita dari perkara paling asas tentang prinsip-prinsip yang harus kita pegang, canai, gunakan dan gembelingkan dan seterusnya diadunkan bagi mencapai puncak kejayaan.

Pengarang memulakan buku ini dengan menceritakan tentang latar belakang Donald Trump itu sendiri mengapa beliau menjadi ikon perniagaan dunia dan menjadi motivator kepada jutaan orang di seluruh dunia. Turut dimuatkan dalam karya ini adalah siapakah tulang belakang yang banyak memberi sokongan selain daripada semangat motivasi yang kuat dari dalam diri beliau sendiri untuk berjaya.

Pengarang berjaya mengorek, mentafsir, mengolah dan mengetengahkan gaya pemikiran Donald Trump dalam 18 keadaan, apakah rahsia-rahsia yang beliau gunakan dalam mencapai kejayaan. Lakukan perkara yang kita cintai, kuasai pemikiran positif, positif tetapi realistik, buktikan pada diri sendiri, belajar daripada kegagalan, sedia berubah, masalah adalah latihan minda, ilmu adalah kuasa, asas keusahawanan, kritikan adalah lumrah, bezakan antara perniagaan dan peribadi, *CEO Trump Organization*, bina jenama dan kuasa, saling memahami dalam organisasi, memperkenalkan dan membangunkan idea, jualan asas pemasaran, kawalan pemasaran *Trump Organization* dan yang terakhir ialah perundingan satu kesenian adalah antara gaya berfikir yang diolah oleh pengarang mengenai keupayaan Donald Trump sehingga mencapai tahap usahawan yang berjaya.

Donald Trump amat dikenali di serata dunia kerana kejayaannya dalam menguasai dunia perniagaan, pendidikan, penerbitan malah beliau juga terlibat dalam bidang lakonan. Suatu ketika dahulu kita pernah diperkenalkan dengan siri realiti televisyen popular iaitu *The Apprentice* yang memaparkan ketokohan beliau dalam bidang perniagaan. Walaupun tidak ditonjolkan rahsia-rahsia kejayaan beliau dalam siri tersebut, tetapi kita dapat lihat bagaimana beliau menunjukkan kredibilitinya sebagai orang yang boleh mempengaruhi dunia perniagaan. Dengan pergerakan tubuh badan, tutur kata, tingkah laku, penampilan, personaliti, gaya pengurusan perniagaan dan membuat keputusan menunjukkan beliau seorang yang mempunyai karisma yang amat tinggi sebagai tokoh perniagaan yang berjaya membina sebuah empayar

perniagaan yang besar dan berkuasa iaitu *The Trump Organization*.

Apakah rahsia beliau mencapai kegemilangan walaupun kerap gagal? Apakah rahsia beliau boleh bangun semula selepas mengalami kegagalan? Apakah rahsia beliau dalam membangunkan dan membesarakan *The Trump Organization*? Apakah rahsia beliau sehingga menjadi ikon dunia dalam bidang perniagaan? Kesemua jawapan itu akan kita perolehi dengan membaca buku ini. Pengarang mengolah buku ini dalam bentuk penceritaan yang menarik, turut dimuatkan juga dalam buku ini ialah rahsia-rahsia kejayaan tokoh-tokoh Malaysia dan antarabangsa yang mempunyai pemikiran yang serupa dengan Donald Trump. Pengarang juga mengadunkan karya yang menarik ini dengan prinsip-prinsip Islam yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan, diselitkan dengan maksud petikan ayat-ayat al-Quran dan petikan kata-kata nasihat daripada Trump yang turut dimuatkan dalam hasil tulisan beliau yang boleh didapati melalui artikel dan buku.

Secara umumnya buku ini mudah dibaca, difahami dan amat menarik untuk dibaca oleh semua lapisan masyarakat serta boleh dijadikan sebagai pendorong untuk mencapai kejayaan. Ia adalah sebuah karya yang mampu menarik minat pembaca untuk lebih bermotivasi dan meningkatkan tahap spiritual kita sebagai seorang yang mengharapkan kejayaan. Pada akhir karya, pengarang tetap memberikan semangat motivasi kepada pembaca dengan memetik kata-kata Trump iaitu "Jumpa di Puncak".

Pengulas:

Mastura Husin


Penolong Pengarah

Pusat Manuskrip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AHMAD FAIZAL MOHAMED YUSUP

Berubah Sebelum Rebah

Shah Alam : Alaf 21, 2010. 254 ms.

ISBN 978-983-124-575-0

Berubah Sebelum Rebah merupakan buku motivasi yang memberikan kaedah terbaik dalam menangani sikap-sikap negatif yang membelenggu kehidupan kita. Teknik motivasi yang disulami penceritaan ini bukan sahaja menghiburkan, malah akan membantu kita mengenal sikap yang menghalang kemajuan diri.

Sesuatu perselisihan yang berlaku dalam perhubungan adalah disebabkan oleh perbezaan penerapan nilai diri. Perbalahan yang berlaku disebabkan oleh perbezaan nilai sifat dan sikap, perbezaan ideologi dan agama, perbezaan parti dan sebagainya. Malah, perbezaan seseorang yang berjaya dengan yang tidak berjaya juga disebabkan oleh penerapan nilai dirinya. Mengetahui hakikat ini, penulis mengambil keputusan untuk menulis dan mengulas mengenainya dengan harapan pengisian dan pengetahuan yang disampaikan akan dapat membantu mencari titik pendamaian mahupun sebagai tujuan motivasi diri bagi mencapai kejayaan.

Sepanjang perjalanan buku ini terselit sebuah kisah yang diberi judul Kisah Pendekar

Empat. Kisah ini bertujuan untuk menambahkan rencah penceritaan dalam keseluruhan pengisian topik-topik yang ingin disampaikan. Kisah Pendekar Empat ini bermula dengan empat orang jejaka sekawan yang diberi nama Hang Satu, Hang Dua, Hang Tiga dan Hang Empat yang ingin menjadi pendekar terunggul dalam negeri Melaka. Kekalahan keempat-empat pendekar ini kepada hulubalang bernama Komeng dari negeri seberang telah menjatuhkan maruah dan memalukan keseluruh penduduk Kampung Sehijau Lumut. Akhirnya keadaan ini menyebabkan mereka berempat mengambil keputusan untuk pergi ke Gunung Ledang supaya dapat belajar ilmu persilatan daripada pendekar ulung yang diberi nama Pendekar Mastur. Sifat dan sikap yang berbeza-beza yang dimiliki oleh keempat-empat pendekar itu bagi menghadapi cabaran dan dugaan yang akan ditempuhi dengan tujuan mencapai matlamat ingin mempelajari ilmu persilatan memberi ruang kepada penulis untuk menyampaikan topik-topik yang ingin diutarakan dengan lebih berkesan.

Konsep 4P merupakan salah satu topik yang ingin disampaikan oleh penulis. Konsep 4P terdiri daripada pengisian, pengulangan, pengukuhan dan penerapan. Pengisian dalam bahasa Inggeris bermaksud ‘input’ atau memasukkan ke dalam. Maklumat, pengetahuan, fakta dan ilmu bersifat tetap. Ia akan sampai kepada kita melalui seseorang atau media. Pengisian menjadikan diri yang tidak tahu menjadi akan tahu, apa yang diketahui itu jika dilatih dan dijalankan aktiviti pengulangan bakal menjadikan seseorang itu lebih tahu, mahir dan lama-kelamaan akan menjadi tabiat atau program diri. Selepas pengulangan untuk menjadikan diri lebih mahir dan pandai, maka kita akan melalui satu proses yang dinamakan pengukuhan. Elemen keempat dan terakhir selepas pengisian, pengulangan, pengukuhan dalam konsep 4P ini ialah penerapan. Sesuatu pengisian yang kita pilih untuk menjadi pandai melalui proses pengulangan serta pengukuhan bakal diterapkan menjadi tabiat, program atau prinsip diri. Ramai yang tidak mengetahui sebenarnya konsep 4P inilah yang membentuk prinsip diri seseorang itu.

Kita selalu disarankan agar tidak membazir masa, tapi kita jarang dengar mengenai pembunuhan masa. Mengenalpasti contoh pembunuhan masa memberikan ruang kepada kita untuk mengenalinya dan seterusnya dapat mencari jalan mengisi mahupun mengelakkannya. Mesyuarat atau majlis yang panjang, panggilan telefon, internet,

penggosip, sesi teh tarik, kesesakan lalu lintas, beratur panjang dan masalah teknikal merupakan beberapa contoh pembunuhan masa yang sering kita hadapi. Apa yang penting ialah kita mengisi masa yang ada walaupun kita berada dalam fasa pembunuhan masa ini. Sediakanlah satu alternatif dan salah satu kaedah yang terbaik misalnya sentiasa membawa sebuah buku ke mana sahaja kita berada. Ini kerana setiap kali kita tersangkut dalam fasa pembunuhan masa ini, maka kita akan mempunyai buku untuk dibaca. Terdapat pelbagai topik lain yang dibincangkan bagi mencapai matlamat agar kita dapat memotivasi diri bagi mencapai kejayaan dan kecemerlangan hidup.

Paling menarik dalam buku ini penulis turut memuatkan kejayaan tokoh-tokoh terkenal untuk membuka minda dan mencetuskan inspirasi. Kejayaan Nik Nur Madihah binti Nik Mohd Kamal memperoleh keputusan cemerlang lulus 20A dalam peperiksaan SPM tahun 2008 telah membuka mata dan memberi motivasi kepada ramai pihak terutamanya pelajar yang hidup serba kekurangan bahawa kemiskinan bukanlah penghalang bagi mencapai kejayaan. Kisah kejayaan tokoh-tokoh terkenal lain seperti Usain Bolt, George Lucas, Michael Jordan, Shun Fujimoto dan Wiliam Tong akan memberi banyak lagi inspirasi untuk kita terus berusaha mencapai kejayaan yang diimpikan.

Ramai yang tidak menyedari bahawa sikap adalah aset yang sangat bernilai. Ia boleh menentukan kejayaan seseorang namun ia juga boleh menjatuhkan sekiranya tidak diuruskan dengan betul. Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat termasuk remaja, ibu bapa, pendidik, pakar motivasi agar dapat membantu memotivasi diri sendiri atau membantu mereka yang memerlukan bagi menggapai hasrat mencapai kejayaan.

Pengulas:

Firman Mohd. Said

Penolong Pegawai Perpustakaan

Pusat Maklumat Malaysiana

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NOOR LAILA ANIZA ZAKARIA
Indahnya Hidup Tanpa Derita
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2010. 243ms.
ISBN 978-983-097-262-6

Kehidupan berumah tangga adalah perkara yang sering dinantikan oleh pasangan yang bercinta dan berkasih sayang. Namun, asam garam rumah tangga banyak berdepan dengan cabaran dan risiko. Perkahwinan boleh diibaratkan seperti menikmati satu pelayaran yang sangat jauh dan di dalamnya terkandung seribu macam rasa yakni gembira, bahagia, ceria, sedih, duka, derita, sengsara dan sebagainya. Kita seringkali mengharapkan hanya keindahan dan kebahagiaan datang dalam melayari kehidupan berkeluarga tetapi bak kata orang, langit tak selalu cerah. Seringkali, dugaan dan ujian datang bersinggah untuk menguji setiap pasangan yang berumah tangga.

Buku *Indahnya Hidup Tanpa Derita* boleh diklasifikasikan sebagai bahan bacaan umum dalam genre “*psikologi dan motivasi*” yang mengumpul 40 ceritera berkaitan dengan permasalahan yang berlaku dalam kisah rumah tangga dan isu kekeluargaan. Bagi pembaca yang meminati siri berkaitan tarbiah rohani yang mempunyai unsur-unsur dorongan, pencetus semangat perjuangan, membina

kekuatan emosi, spiritual, mental dan dapat menghilangkan rasa kecawa dan derita dalam perhubungan rumah tangga, mereka harus menjadikan buku ini sebagai koleksi yang wajib dibaca dan disimpan untuk peribadi.

Kupasan bagi setiap ceritera dalam buku setebal 243 muka surat ini dibahagikan mengikut enam bahagian yang berbeza meliputi masalah suami, masalah isteri, ego suami, rumah tangga itu syurga, anak oh anak dan tabah hati wanita. Pengarang bijak menggunakan tajuk-tajuk yang menarik dalam setiap bahagian sehingga dapat membuatkan kita terpikat untuk membaca setiap kisah yang dipaparkan dan menggamit hati untuk mengetahui lagi kisah yang selanjutnya.

Isi kandungan buku dan jalan penceritaannya turut digarap dan diterjemahkan dengan baik oleh pengarang dalam bentuk penulisan yang tidak membosankan. Setiap episod cerita menonjolkan kepelbagaiannya watak dan situasi berbeza yang kadang kala tidak terjangkau dek pemikiran pembaca dengan keadaan dan permasalahan yang berlaku dalam kisah rumah tangga seseorang itu. Penulisan buku ini dibuat berdasarkan maklumat yang dikumpul melalui penceritaan klien yang ditemui semasa mengadakan sesi kaunseling, ceramah dan motivasi, dihubungi melalui telefon, emel dan ketika berjumpa kenalan.

Pengarang bijak menyelesaikan masalah klien tanpa menggunakan pendekatan berat sebelah sehingga mewujudkan jalan penyelesaian secara kalah menang bagi pasangan terbabit. Beliau juga tidak terus menjatuhkan hukuman atas kesalahan klien tetapi tetap teguh mempertahankan kebenaran jika apa yang dilakukan klien menyalahi agama dan norma kehidupan. Malahan turut membantu mereka mencari jalan keluar dengan memberi saranan agar pasangan yang mempunyai masalah bertindak secara rasional, berusaha menyelesaiannya dengan baik sambil menilai kelemahan diri sendiri tanpa menundung jari menyalahkan orang lain atas apa yang berlaku. Ini supaya tidak mencetuskan huru hara dalam ruang mencari kedamaian.

Dengan menyertakan bersama surah-surah pilihan daripada al-Quran, doa-doa dan hadis nabi dalam memberi garis panduan kepada penyelesaian sesuatu konflik, dapatlah difahami bahawa buku ini mendidik kita supaya belajar untuk redha dengan

ketentuan Allah. Kita juga haruslah memahami bahawa sesukar mana pun ujian yang berlaku dalam rumah tangga, selagi kita berpegang dengan kasih sayang kerana Allah serta berpandukan pada ajaran Islam, seseorang itu dapat menangani masalah rumah tangga dengan lancar.

Profesjon penulis sebagai seorang perunding profesional dan pengalaman peribadi beliau sebagai orang tengah dalam menjadi pendengar setia masalah klien semasa memberi kaunseling, motivasi dan ceramah menjadi nilai tambah bagi beliau untuk menghasilkan karya yang dekat dengan diri pembaca. Beliau berjaya membawa kita untuk merasai satu perasaan empati kepada permasalahan orang lain yang nyata lebih hebat atau lebih teruji lagi berbanding diri kita yang membaca.

Selain itu, pengarang juga ingin mengangkat dari sudut positif bahawa perkahwinan dan kehidupan berkeluarga adalah merupakan satu perjuangan bagi setiap orang bagi mencuba sebaik mungkin untuk mencari kebahagiaan diri kerana setiap orang berhak mendapatnya walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan penderitaan. Buku ini bukan menceritakan penderitaan bagi menambah penderitaan tetapi ditulis bagi membina kekuatan di sebalik penderitaan yang dialami. Setiap individu berpeluang untuk bermuhasabah diri, mengambil pengajaran daripada isu yang dipaparkan supaya boleh menterjemahkan diri menjadi seorang yang lebih baik dan sedia berhadapan dengan sebarang kemungkinan yang mendarat dengan lebih matang.

Oleh itu, setiap orang yang bakal mendirikan rumah tangga atau bagi pasangan yang telah berkahwin, para ibu bapa, mentua, ipar duai, motivator, kaunselor dan anak-anak perlu membaca buku ini. Ia boleh dijadikan panduan dalam mencari jalan penyelesaian dan membuat keputusan yang terbaik berkaitan dengan permasalahan yang timbul atau akan timbul dalam kisah rumah tangga dan membabitkan isu keluarga. Selain itu, kita juga boleh menambah ilmu sebagai persediaan dalam memantapkan peribadi dalaman. Semoga dengan segala tips yang dikongsi oleh pengarang dapat membawa pembaca ke arah pemikiran yang lapang, jiwa yang tenang dan jauh daripada derita.

Pengulas:

Nordiana Ahmad Tajudin


Penolong Pegawai Perpustakaan

Pusat Manuskip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



H.M TUAH ISKANDAR
Laluan Ke-2 Ke Puncak : Bacaan Untuk Mereka Yang Sedang Gagal Orang Berjaya Dilarang Membaca

Shah Alam : Oasis Books, 2010. 317ms.
ISBN 978-967-5711-04-6

Hidup ini penuh dengan liku-liku kehidupan. Kegagalan dalam hidup sentiasa dialami oleh setiap manusia. Buku *Laluan ke-2 Ke Puncak* oleh Dr. HM Tuah Iskandar merupakan sebuah buku motivasi yang memfokuskan kepada teknik dan taktik untuk bangkit setelah gagal berkali-kali dalam hidup. Buku ini mengandungi 317 halaman yang dibahagikan kepada beberapa kisah yang diselang seli dengan kisah benar bagi menyokong idea penulis.

Buku ini mengajar kita supaya tidak lagi mengalah dan tewas dengan pelbagai dugaan. Buku ini juga diselitkan dengan hadis-hadis nabi dan mutiara kata beliau sendiri dengan petikan berita daripada akhbar-akhbar tertentu yang dibuktikan bersama tulisannya. Cara penyampaiannya sangat menarik dengan gaya bahasa yang mudah difahami mampu membangkitkan semangat kepada sesiapa yang membacanya.

Dalam buku ini didedahkan tentang kehidupan harian dan pengalaman hidup yang

mengajar kita banyak perkara di mana kadang-kala kejayaan dapat dipacu dan kekayaan dapat dijana malah ramai tidak sedar bahawa setiap orang ada ruang dan peluang untuk bangkit. Penulis menegaskan bahawa dunia kejayaan adalah untuk orang yang sanggup berubah walaupun laluan kejayaan utama tertutup. Penulis mengajak pembaca melalui alternatif lain untuk menggapai kejayaan. Maksud kejayaan juga dijelaskan berdasarkan persepsi sendiri, kelompok dan bidang, mengikut pandangan umum dan juga secara hakiki.

Buku ini juga memfokuskan tentang laluan kedua yang perlu difahami oleh orang yang gagal dalam hidup sekiranya tidak ingin gagal lagi. Pelbagai jenis kegagalan telah dikupas dalam perihal laluan kedua untuk orang yang gagal baik dalam akademik, kerjaya, perniagaan, politik, cinta, rumah tangga maupun hidup serta cara-cara mengatasinya. Penulis mengajak pembaca berfikiran positif terhadap kegagalan yang sebenarnya mempunyai seribu nikmat dan hikmah yang tersembunyi. Kita perlu ada sedikit dendam, geram, sakit hati dan cemburu dengan kejayaan orang lain untuk bertindak demi membina azam dan mahu berubah.

Tidak kurang juga kegagalan disebabkan tiada tuah, dikhianati, difitnah, ilmu hitam dan agenda saingan juga memerlukan laluan kedua ini. Dalam hal ini penulis lebih banyak mengingatkan kita supaya lebih banyak dekatkan diri dan pasrah kepada tuhan di samping teruskan usaha untuk berjaya. Penulis berkongsi tujuh panduan kejayaan melalui laluan kedua ini. Dalam setiap kegagalan kita perlu kembali bangkit. Untuk bangkit, perlulah seseorang itu menambah ilmu pengetahuan. Bagi menambah ilmu pengetahuan, kita perlu sedia untuk berubah. Untuk berubah kita perlu menyaangi kejayaan orang lain. Menyaangi kejayaan orang lain, kita perlu berbuat lebih baik. Untuk berbuat lebih baik, perlulah kita membersihkan jiwa, memperkuuhkan motivasi diri dan untuk membersih jiwa, kukuh motivasi kita mestilah mengagungkan dan meletakkan Allah swt di puncak yang tertinggi.

Walau bagaimanapun, penulis menyarankan laluan ini tidak menjanjikan kemudahan, kesenangan dan kelancaran pelaksanaannya.. Mungkin kita perlu menempuh lubang, halangan, bahaya, onak dan duri tetapi langkah mesti terus diorak untuk sampai ke puncak kejayaan. Perubahan setelah beberapa kali gagal menuntut kesabaran dan

ketabahan yang tinggi dalam semua perkara. Kita tukarkan kemarahan dengan kebangkitan semula diri dari kegagalan silam kepada titik permulaan kepada kejayaan yang lebih gemilang dan bermakna. Tidak kira bagaimana orang menilai kita semasa hidup, yang penting kesudahannya. Bagaimana kita memulakan langkah, yang penting kita sampai ke puncak dan penghujungnya.

Kesimpulannya, buku ini amat menarik dan sesuai dibaca oleh semua peringkat umur untuk membuka minda pembaca dalam aspek kejayaan alternatif dan memberi idea serta semangat untuk mencapai kejayaan walaupun tanpa kejayaan akademik. Tiada manusia hidupnya untung sepanjang masa dan juga tidak ada manusia hidupnya rugi sepanjang masa. Bahkan tiada jalan singkat untuk berjaya. Justeru itu dapatkan buku ini untuk mengetahui tentang rahsia-rahsia kejayaan. Semoga buku ini dapat menjadi panduan untuk kita mencapai kejayaan dan berjalan seiringan dengan mereka yang telah berjaya.


Pengulas:

Kalthom Kassim

Penolong Pegawai Perpustakaan
Pusat Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



RAMLI NGAH TALIB, TAN SRI
Meniti Zaman : Sebuah Catatan Kenangan
Kuala Lumpur : RA Fine Arts, 2010. 320ms.
ISBN 978-967-5277-13-9

Buku *Meniti Zaman : Sebuah Catatan Kenangan* merupakan sebuah anekdot seorang tokoh politik negara yang tersohor hasil rangkuman dan cantuman pengalaman Tan Sri Dato' Sri Diraja Ramli Ngah Talib. Beliau menggarap idea dan pengalaman melalui satu persembahan yang mengujakan kerana mengajak khalayak menyorot sisi lain yang ada pada beliau dengan tidak hanya berpaksikan kepada politik semata-mata. Pembaca juga disajikan dengan pengalaman-pengalaman peribadi penulis yang merangkaikan rentetan peristiwa secara sistematik bagi menggambarkan kesinambungan perubahan masyarakat desa daripada zaman penjajahan menuju ke era kebebasan. Penulis juga menyorot sesuatu peristiwa dengan mengemukakan fakta ataupun bukti yang berperanan menyokong urutan peristiwa yang dinukilkan walaupun sebahagian kecil fakta terpaksa dikesampingkan atas sebab tertentu namun tidak sampai mencacatkan riwayat hidup penulis.

Penulis bersikap realistik dalam mengutarakan rangkuman pengalaman yang dikutip dengan mengambil pendekatan yang bernilai positif dan negatif terutamanya

berkaitan diri sendiri. Beliau menekankan pernyataan ini kerana khuatir terhadap penerimaan khalayak yang mempunyai pelbagai tanggapan dan tafsiran yang mungkin merumuskan beliau sebagai ‘masuk bakul angkat sendiri’, sedangkan beliau tidak mempunyai perasaan sedemikian kerana menyedari hakikat makhluk yang dijadikan oleh pencipta tidak berupaya melangkaui hakikat sang pencipta. Penulis juga mengambil langkah yang seharusnya dipuji kerana merasa terpanggil untuk membukukan anekdot ini dalam kondisi yang masih mapan dan mempunyai keupayaan mental dan fizikal yang utuh agar pengalaman yang dikutip dapat dipersembahkan kepada khalayak dalam versi penceritaan yang terbaik dan berupaya menjadi satu rujukan kepada pembangunan bangsa.

Buku ini mencantumkan liku-liku perjalanan hidup yang merentasi zaman pemerintahan Jepun, British dan juga peristiwa-peristiwa penting yang menjadi satu catatan penting pensejarahan bangsa seperti peristiwa penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union dan penubuhan UMNO. Rentetan peristiwa yang dinukilkan merupakan satu episod penting kerana mempunyai implikasi yang besar terhadap proses kemerdekaan negara. Beliau merasa terpanggil untuk membukukan rakaman-rakaman penting ini kerana menyedari hakikat generasi masa kini yang tidak mengambil tahu dan tidak menyedari peristiwa-peristiwa penting yang telah menjadi asas kepada pembentukan dan pencorakan negara bangsa.

Penulis juga cuba memahami kerentah dan ragam khalayak yang amat stigma terhadap penerbitan buku bercorak biografi ataupun autobiografi ini melalui pendekatan yang realistik dengan tidak memasukkan semua peristiwa yang dialami oleh penulis sebaliknya menjurus ke arah peristiwa yang mampu mengetuk naluri dan memberi rasa keinsafan kepada khalayak. Beliau mengambarkan aspek-aspek penting bangsa Melayu ketika itu melalui amalan, budaya serta rupa bentuk kehidupan masyarakat yang sudah tidak dipraktikkan lagi pada zaman ini agar khalayak merenung dan bermuhasabah mengenai kekayaan intelektual yang pernah diwarisi dari generasi ke generasi dan pada masa yang sama menjadi platform terhadap ketamadunan bangsa.

Penulis berusaha mempersembahkan coretan ini dalam bentuk yang tidak kaku dan

membangkitkan perasaan bercampur baur khalayak agar mereka tidak merasakan coretan ini sebagai suatu sorotan yang *rigid*, lesu dan berbentuk naratif hambar yang boleh mematahkan semangat pembacaan khalayak. Penulis juga banyak bermain dengan idea dan pengembangan isu apabila membicarakan mengenai sesuatu situasi dengan melihatnya dari perspektif yang lebih universal. Sifat penglipur lara dalam masyarakat Melayu masih tebal dan sebatи dalam diri penulis apabila menghamburkan prinsip-prinsip biasa dalam praktik masyarakat melalui pengajaran, teladan dan juga sempadan. Khalayak juga diajak berfikir secara sinisme dan kompleks dalam satu-satu frasa yang dicoretkan agar pentafsiran dan pembatasan masa dapat digambarkan apabila penceritaan bersimpang siur antara keadaan pemikiran pada waktu itu ataupun kelahiran pemikiran pada masa sekarang. Penulis juga mengharapkan agar anekdot ini mampu menjadi pencetus kepada daya fikir pengkaji dan khalayak dan pada masa yang sama berharap buku ini menjadi satu buah tangan yang penting kepada pensejarahan bangsa dan tidak dianggap sebagai sesuatu yang anakronisme.

Pengulas:***Faizal Hilmie Yusof***


Penolong Pengarah

Pusat Manuskip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MD. ALI BERAHIM

Pelanggan Setia

Batu Caves, Selangor : PTS Professional, 2010.

192ms.

ISBN 978-967-369-021-3

Buku ini bertemakan pelanggan dimana penulis menekankan aspek promosi untuk berjaya didalam perniagaan. Penulis menulis buku ini adalah berdasarkan pengalaman beliau yang bermula sebagai tenaga pengajar di Maktab Adabi hingga sebagai pegawai bank.

Penulis memulakan dengan memperkenalkan kategori-kategori pelanggan dan kesan perkhidmatan terbaik yang di berikan kepada pelanggan. Selanjutnya penulis menekan aspek budaya dan ketetapan fikiran mengenai perniagaan dan khidmat yang diberikan kepada pelanggan. Perkara ini termasuklah pengurusan kakitangan yang bermasalah atau dikenali sebagai pekerja toksik. Penulis juga memperkenalkan jenis-jenis interaksi antara pelanggan dengan perniagaan iaitu pelanggan yang dilayan dengan baik akan menjadi pelanggan setia. Konsep pemasatan pelanggan pula menerangkan bahawa kita mesti mempunyai pangkalan data yang cukup, sempurna dan terkini. Penulis telah membicara beberapa perkara utama yang dinilai oleh pelanggan yang didapati menerusi pengalamannya dan rujukan daripada buku

dan internet. Turut dibincangkan juga adalah pelanggan bermasalah. Antara yang disentuh adalah kenapa pelanggan lari dan cara menangani karenah pelanggan. Pada bab terakhir, penulis membawa pembaca cara mendekatkan diri dengan pelanggan yang mana menjadi saingan antara perniagaan-perniagaan di Malaysia dan negara luar.

Buku ini adalah amat sesuai dibaca oleh semua tanpa mengira status seperti ahli perniagaan atau pekerja makan gaji kerana kebanyakkan kita adalah terlibat dalam bidang perkhidmatan yang mempunyai pelanggan secara langsung atau tidak langsung. Penulis menulis buku ini secara analisis kerana terdapat banyak contoh-contoh, graf dan gambarajah yang digunakan untuk menguatkan lagi fakta-fakta yang diberikan oleh penulis. Penulis telah berjaya menyampaikan ilmunya dengan cemerlang melalui pengalaman dan hasil pembacaan beliau. Pengarang telah bermurah hati dengan memberi senarai rujukan dan bahan bacaan tambahan bagaimana untuk menjaga dan mengendali pelanggan.

Pengulas:

Yazid Ibrahim
Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MOHD RAZALI KAMARUDIN
Tip Belajar Sedikit Dapat Banyak
Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2010. 248ms.
ISBN 978-967-5564-14-7

Buku *Tip Belajar Sedikit Dapat Banyak* dihasilkan melalui pengalaman dan pemerhatian penulis sebagai seorang guru sekolah yang telah terbiasa dengan kehidupan sehari-hari pelajar terutama saat-saat menjelang peperiksaan. Buku ini memuatkan tip-tip belajar yang mudah diamalkan oleh semua pelajar tanpa mengira peringkat umur. Ia merupakan sebuah buku motivasi yang menghiburkan dan memberi banyak peringatan serta tip kepada semua lapisan pelajar.

Susunan bahagian di dalam buku ini memperlihatkan empat peringkat belajar yang lazimnya dilalui oleh semua pelajar iaitu bermula dengan Motivasi Pelajar, disusuli dengan Proses Belajar Harian, Ulangkaji, Peperiksaan dan Amalan Kerohanian.

Bahagian pertama buku ini menekankan mengenai motivasi pelajar yang merangkumi 13 perkara antaranya chit chat mengenai diri, chit chat mengenai pelajaran, sentuhan pembuka mood, kuasa kata-kata, rancang jadual waktu belajar harian dan sebagainya. Bahagian pertama membuatkan pembaca mengenali diri

sendiri dengan lebih baik di samping mengesan kelemahan diri yang ada. Dalam bahagian pertama juga, pembaca akan mempunyai motivasi diri untuk terus belajar bersungguh-sungguh dan berusaha sebaik mungkin.

Proses belajar harian merupakan catatan penulis dalam bahagian kedua. Penulis memaparkan empat tip iaitu awal sebelum ke kelas, sebelum memulakan kelas, belajar di kelas serta belajar petang dan malam. Bahagian ini akan menimbulkan kesedaran kepada para pelajar agar belajar dengan cara yang terbaik dan berhemah. Seterusnya Bahagian ketiga memberi penekanan kepada teknik ulangkaji. Pendedahan mengenai teknik penyediaan nota pelajaran serta kaedah penyediaan senarai semak yang merupakan satu senarai semak dalam bentuk nota untuk membantu pelajar mendapat gambaran keseluruhan perkara-perkara penting dalam sesuatu tajuk diterangkan. Pelajar turut didedahkan kepada bentuk latihan pengukuhan yang terdiri daripada enam bentuk latihan yang diberikan oleh guru, latihan topikal, soalan latihan sendiri dan sebagainya. Teknik ingat dan beranikan diri dengan peperiksaan turut disentuh oleh penulis dalam bahagian ini.

Bahagian keempat membicarakan tentang peperiksaan yang menjadi rakan karib kepada pelajar. Terdapat beberapa tip yang diberikan dalam bahagian ini iaitu berkenalan dengan peperiksaan, mari bedah kertas peperiksaan melalui kertas soalan berformat peperiksaan sebenar serta pecutan akhir iaitu beberapa tip belajar yang boleh diamalkan selepas berakhirnya peperiksaan percubaan sehingga menjelangnya minggu peperiksaan. Dalam bahagian ini, penulis memberikan tip persediaan akhir menjelang peperiksaan iaitu pesanan sebelum menjelang minggu peperiksaan dan malam sebelum menjelangnya hari peperiksaan. Dalam bahagian ini, pelajar akan didedahkan kepada panduan melangkah ke dewan peperiksaan dan seronoknya jawab periksa terutama tip ketika berhadapan dengan kertas peperiksaan serta tip menjawab pelbagai jenis soalan.

Bahagian kelima buku ini merupakan bahagian yang paling menarik kerana pembaca disajikan dengan tip Amalan Kerohanian yang merangkumi amalan harian serta doa belajar yang boleh diamalkan. Amalan kerohanian merupakan salah satu aspek penting dari sudut keagamaan bagi membantu memacu kejayaan dalam kehidupan.


Secara keseluruhannya, buku ini berjaya membuka minda dan hati pembaca terutamanya golongan pelajar agar terus membuat perubahan positif sebagai usaha untuk mencapai kejayaan terutamanya dalam bidang akademik. Buku ini bukan sekadar meningkatkan motivasi diri seseorang pelajar, tetapi sebagai pembakar semangat sesuai dengan kata-kata yang diletakkan di kulit hadapan iaitu pelajar biasa, belajar cara biasa, hasilnya...keputusan luar biasa.

Sebagai kesimpulannya, buku ini memang sangat berbaloi untuk dimiliki oleh sesiapa sahaja terutamanya pelajar sebagai persiapan untuk memperoleh markah yang luar biasa setiap kali kertas peperiksaan ditanda.

Pengulas:

Normah Mohd. Idzhar
Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



SAAT SULAIMAN

Usahawan : Kaya Wang Kaya Iman

Batu Caves, Selangor : PTS Millenia, 2010. 261ms.

ISBN 978-967-5564-09-3

Saat Sulaiman merupakan seorang lulusan Universiti Islam Madinah. Beliau juga seorang usahawan yang percaya bahawa etika keusahawanan yang menurut Islam mampu membantu usahawan memperolehi kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi. Beliau sendiri sudah memiliki premis menjual pakaian di Seremban dan bertekad mahu menyebarkan ilmu dan pengalaman beliau kepada para usahawan lain atas kepercayaan bahawa kejayaan yang sebenar ialah apabila beliau berjaya menjadi contoh. Beliau sangat berharap para usahawan Islam yang beriman menjadikan buku ini sebagai panduan bagi menjalankan perniagaan mengikut landasan Islam. Buku ini mengandungi 13 bab.

Dalam bab pertama penulis menekankan tentang langkah-langkah awal yang perlu untuk menjadi seorang usahawan yang beriman. Antaranya ialah sumber modal yang halal dan bersih, bukan modal haram. Apabila telah mempunyai modal maka usahawan itu perlu pula memilih jenis perniagaan yang juga halal. Usahawan juga perlu menambah pengetahuan agama dalam urusan perniagaan. Antaranya ialah

dalam urusan akad jual-beli, jenis jual-beli, hubungan dengan pelanggan, taktik tipu daya dan sebagainya.

Dalam bab kedua pula penulis menekankan tentang keseimbangan dunia dan akhirat. Antara yang perlu dilakukan oleh usahawan ialah menunaikan solat. Jangan melalaikan solat walupun sibuk dan penat mencari rezeki. Sifat ini akan merugikan diri sendiri dan mengurangkan keberkatan. Selain itu usahawan hendaklah sentiasa berdoa untuk menunjukkan kita sentiasa mengingati Allah dan pilihlah waktu yang mustajab untuk berdoa. Usahawan juga perlu bertawakkal kepada Tuhan dan perlu bersikap Qanaah. Seorang usahawan juga tidak boleh menyembunyikan keaiban sesuatu produk. Mereka juga perlu mengamalkan sukan dan timbangan yang betul. Sifat jujur, amanah, menunaikan hak pekerja, memilih teman yang baik, mematuhi undang-undang, bersederhana dalam keuntungan juga ditekankan dalam bab ini. Produk yang dijual hendaklah berkualiti. Menunaikan rukun dan syarat jual beli juga sangat penting dan ianya terbahagi kepada tiga perkara iaitu antara penjual dan pembeli, wang dan produk yang dibeli serta lafaz (kalimat ijab dan qabul).

Dalam bab ketiga pula penulis mengajak usahawan menambahkan keimanan dengan melakukan solat sunat, membantu orang miskin, membaca al-Quran, berzikir, merahmati haiwan, berbuat baik pada ibu-bapa, sentiasa murah dengan senyuman dan bersyukur. Dalam bab keempat penulis menekankan supaya seorang usahawan menjauhi sifat-sifat yang negatif antaranya ialah menipu sukan dan timbangan, menyembunyikan stok, amalan riba.

Sifat sompong, putus asa, menyalahkan takdir, dengki, bakhil, mementingkan diri sendiri, mempercayai bomoh dan tangkal adalah perlu dijauhkan oleh usahawan. Penulis menekankan perkara tersebut didalam bab lima. Dalam bab enam penulis menyenaraikan usahawan yang boleh dicontohi pada zaman Rasulullah s.a.w. Antaranya ialah Abdul Rahman bin Auf. Beliau merupakan hartawan terkaya di Mekah dan Madinah .

Islam mengambil berat profesion keusahawanan dan memuliakan usahawan. Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama para nabi. Para usahawan diwajibkan berzakat

bagi membantu golongan memerlukan dengan mengeluarkan harta untuk bersedekah. Usahawan disarankan membina jaringan keusahawanan supaya dapat saling berkenalan dan berkongsi pengetahuan dalam perniagaan. Usahawan Islam juga disaran membina produk Islam sendiri bagi menghilangkan pergantungan pada produk usahawan bukan Islam. Usahawan juga hendaklah rajin bersedekah kerana ianya akan mengatasi sifat bakhil dan tamak. Usahawan juga digalakkan menulis agar kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan dapat dijadikan panduan kepada usahawan lain.

Bab sembilan menekankan tentang perlunya menuaikan zakat. Penulis ada menghuraikan tentang zakat perniagaan, zakat pertanian, zakat ternakan mengikut syarat yang ditetapkan. Ciri-ciri seorang usahawan yang berjaya, antaranya ialah memiliki kemahiran dalam bidang yang diceburi, berani menghadapi persaingan dan risiko, mengatur perbelanjaan dengan bijak, memilih bisnes berpotensi dan lokasi yang strategik.

Kesimpulannya usahawan disarankan mengikut garis panduan Quran dan hadis bagi menjamin kesejahteraan umat manusia demi menjaga hak serta kebajikan usahawan dan pelanggan.

Pengulas:

Sharwana Said
Penolong Pegawai Perpustakaan
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



RAZALI SAARAN
Watak-Watak Dalam Organisasi
Kuala Lumpur : Must Read, 2010. 175ms.
ISBN 978-967-5426-21-6

Watak-watak dalam organisasi ditulis oleh Razali Saaran. Buku ini ditulis untuk berkongsi pandangan tentang karakter-karakter dalam organisasi berdasarkan apa yang tersirat di hati penulis untuk dikongsi bersama.

Penulisan ini adalah pandangan peribadi penulis semata-mata berkaitan organisasi berdasarkan pengalaman bekerja dan perkongsian pengalaman dengan kebanyakan orang, serta sedikit rujukan. Secara keseluruhannya buku ini memfokuskan kepada isu-isu berkaitan karakter-karakter dan kesannya terhadap perkembangan organisasi. Melalui pembacaan buku ini, seseorang pembaca itu akan dapat memahami karakter-karakter yang wujud di sekeliling mereka, yang mana satu ketika dahulu, tidak pernah pun mempedulikan kewujudannya dan tidak merasakan ianya boleh memberikan kesan ke atas organisasi.

Membaca buku ini dapat membuka minda semua pembaca terhadap betapa pentingnya memahami tingkah laku ataupun karakter-karakter yang terdapat dalam

organisasi agar dapat diuruskan dengan lebih berkesan dan tidak membiarkan yang salah terus melakukan kesalahan dan diberi pengiktirafan kerana kegagalan membuat penilaian yang baik.

Menurut penulis, dalam sesebuah organisasi watak-watak wujud dalam pelbagai rupa bentuk. Namun secara umumnya, watak-watak tersebut boleh dibahagikan kepada dua watak utama iaitu watak positif dan negatif. Ketidakseimbangan antara watak negatif dan positif akan menyebabkan penguasaan kepada sesuatu organisasi itu.

Bagi memudahkan pembaca memahami dan mengenali kesemua watak-watak dalam organisasi, penulis telah memberikan huraian dan yang jelas tentang pengenalan watak dan kepentingan memahami watak dalam sesuatu organisasi. Watak-watak tersebut pula dibahagikan kepada setiap karakter-karakter positif dan negatif seperti karakter bermuka-muka, pendengki, kaki bodek (pengampu). Manakala karakter positif pula seperti menghormati orang lain, sabar, rajin, taat dan lain-lain yang digambarkan dengan contoh.

Dalam buku ini penulis juga turut menyelitkan 'sudut renungan' dan 'sudut pedoman' di penghujung setiap karakter yang dipetik daripada Hadis, ayat-ayat Al-Quran atau kata-kata penulis lain untuk dijadikan panduan atau perangsang pembaca. Penulis tidak hanya membicarakan tentang karakter-karakter watak tersebut sahaja tetapi juga memberi panduan atau petua untuk menyuburkan watak-watak negatif dalam sesuatu organisasi itu agar watak tersebut berubah menjadi lebih baik atau lebih positif. Manakala watak-watak positif yang sememangnya telah wujud terus cemerlang untuk manfaat organisasi itu sendiri.

Buku *Watak-watak Dalam Organisasi* ini amat bermanfaat dan dapat dijadikan panduan kepada semua pembaca terutamanya kepada pentadbir atau ketua dalam sesebuah organisasi untuk menilai watak-watak yang ada dan membuat perancangan yang tertentu agar watak-watak tersebut dapat diuruskan dengan baik dan sempurna. Watak yang baik atau positif dan tidak menguasai organisasi, perlu dilahirkan agar golongan tersebut menjadi dominan. Watak yang negatif dan tidak diperlukan oleh organisasi perlulah dihapuskan agar kebajikan dan keperluan setiap pekerja dan

majikan dalam sesebuah organisasi dapat dijaga dan dihormati.

Secara keseluruhannya, buku *Watak-watak Dalam Organisasi* ini dapat membuka minda dan merungkai setiap persoalan berhubung pengurusan organisasi terutamanya pengurusan sumber manusia. Malah permasalahan setiap watak dalam organisasi itu perlu difikirkan bersama untuk menjadikan sesebuah organisasi itu lebih maju dan cemerlang bertepatan dengan hasrat kerajaan "1Malaysia, rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan".


Pengulas:

Hasnan Binti Mamat @ Ahmad Shazili

Penolong Pengarah
Bahagian Pakar Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ZAKARIA SUNGIB
100 Kisah Kehidupan :
Secubit Halwa Penawar
Jiwa
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2010. 320ms.
ISBN 978-983-097-224-4

Buku ini memuatkan kepelbagian cerita kisah benar yang berlaku dalam masyarakat yang telah diolah dan diringkaskan untuk pemahaman pembaca. Melalui himpunan 100 buah kisah di dalam buku ini, pembaca akan menemui kisah-kisah yang dekat dengan diri masing-masing. Melalui pembacaan buku ini akan mencetuskan inspirasi, menjernihkan jiwa dan memberi motivasi kepada pembaca. Dengan kepelbagaian cerita yang diperolehi dari rakan penulis serta pelbagai sumber telah menjadikan kisah yang dibukukan ini tidak senada. Ianya membawa pelbagai rima dan akan menimbulkan kesan yang pelbagai kepada perasaan dan jiwa pembaca. Kisah-kisah di dalam buku ini akan mengajar pembaca tentang kesyukuran, kesabaran, ketabahan, pengorbanan, kasih-sayang dan sifat-sifat lain yang diredhai. Buku ini sesuai untuk dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




EWE, PAIK LEONG
100 Wajah Kuala Lumpur
Kuala Lumpur : Pustaka Yamien, 2010. 87ms.
ISBN 978-967-5368-20-2

Kuala Lumpur ialah ibu negara Malaysia yang dibuka oleh Raja Abdullah pada tahun 1857. Ia telah diiktiraf sebagai bandar raya pada tahun 1972 dan diangkat sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 1974. Dari sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah berkembang menjadi bandar raya ultramoden dengan kewujudan bangunan pencakar langit yang hebat dan mengagumkan. Buku bergambar ini merupakan hasil ilham daripada permodenan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Kuala Lumpur. Peningkatan dan kemajuan pengangkutan, teknologi maklumat dengan segala prasarana yang serba moden dan lengkap telah mengharumkan lagi nama Kuala Lumpur di mata dunia. Buku ini memberi pelbagai maklumat dan panduan bermanfaat mengenai perjalanan, tempat tarikan pelancong dan pusat beli belah. Ia bertujuan bagi memenuhi kehendak individu yang ingin mengenali bandar raya metropolitan Kuala Lumpur dengan lebih dekat khasnya di kalangan pelancong.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ABDUL RAHMAN
UMAYRAH
8 Tokoh Wanita
Pencetus Turunnya
Wahyu
Kuala Lumpur : Must
Read, 2010. 246ms.
ISBN 978-967-5426-20-9

Buku yang mengandungi 246 muka surat ini menampilkan 8 orang tokoh wanita yang terbaik untuk dijadikan idola kepada setiap muslimah. Antara tokoh tersebut ialah Ummul Mukminin Aisyah R.A. binti Abu Bakar R.A., Ummul Mukminin Fatimah Az Zahra R.A., Ummul Mukminin Zainab binti Jahasy R.A., Ummul Mukminin Hafshah binti Umar Al-Khatib R.A., Ummul Mukminin Ramlah binti Abu Sufyan, Ummul Mukminin Khaulah binti Tha'laba, Ummul Mukminin Ummu Kalsum binti Uqbah dan Ummul Mukminin Ummu Syarik Ghaziyah binti Jabir. Setiap tokoh yang ditampilkan mampu menjadikan jiwa pembaca merasa tenang, rindu kepada syurga dan sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh Allah. Buku ini dimulai dengan Ummul Mukminin Aisyah R.A. binti Abu Bakar R.A., kerana wanita ini pernah terlibat dengan politik dan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat di samping sebagai isteri kepada Rasulullah SAW. Selain itu, keperibadian tokoh-tokoh lain juga telah digambarkan oleh penulis dengan begitu indah, yang mesti diikuti oleh setiap wanita, isteri maupun wanita yang dipanggil ibu. Keistimewaan setiap ikon ini digambarkan oleh penulis dengan penyampaian yang mudah difahami oleh setiap peringkat dari remaja, dewasa hingga kepada yang tua.


SINOPSIS BUKU



KHAIRUL GHAZALI
**Al-Quran Disebalik
Ayatul Kursi**
Kuala Lumpur : Must
Read, 2010. 179ms.
ISBN 978-967-5426-12-4

Buku ini menerangkan tentang kehebatan dan kemuliaan Ayat Kursi yang terdapat dalam Al-Quran. Ayat Kursi merupakan ayat ke-225 dari surah al-Baqarah, surah kedua dalam Al-Quran yang diturunkan di Madinah. Ayat ini menjelaskan tentang KeEsaan Allah SWT dan pengetahuanNya yang tersebar di langit dan bumi. Bersamaan dengan kemuliaan dan kehebatan ayat ini, Rasulullah SAW telah memerintahkan Zaid bin Tsabit supaya menulis dan menyebarkannya untuk dijadikan amalan umat Islam. Buku ini turut menceritakan mengenai fadilat dan kisah-kisah tentang keagungan ayat tersebut di zaman Baginda. Terdapat banyak hadis yang meriwayatkan bahawa *Barang siapa yang membaca Ayat Kursi ini akan mendapat perlindungan Allah SWT daripada gangguan serta hasutan syaitan (dengan izinNya)*.


SINOPSIS BUKU



NOR HISSAM
SULAIMAN, MOT MADON
**Amalan Berkomunikasi
Di Internet**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa & Pustaka, 2010.
87ms.
ISBN 978-983-46-0583-4

Buku ini merupakan bahan bacaan asas kepada khalayak media siber yang ingin mengetahui fungsi, proses dan manfaat kepenggunaan Internet secara optimum. Ia membawa pembaca mengenali konsep, terminologi, kepenggunaan dan komponen-komponen yang ada dalam Internet. Antara topik yang dibincangkan adalah konsep komunikasi di Internet, penggunaan Internet, e-mail, usenet, telefon Internet dan etika penggunaan Internet. Melalui pembacaan buku ini akan dapat membantu pembaca mengenali internet dengan lebih dekat dan memberi pengetahuan serta kemahiran dalam memanfaatkan penggunaan Internet. Buku ini amat sesuai bagi mereka yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran asas dalam penggunaan Internet, khususnya bagi para pelajar dan tenaga pengajar akademik yang menjurus dalam bidang teknologi maklumat.

SINOPSIS BUKU



AWANG SARIYAN
**Asas Falsafah Dan
Pemikiran Melayu
Berteraskan Islam**
Kuala Lumpur :
Penerbitan Ilham Baru,
2010. 130ms.
ISBN 978-967-5642-09-8

Falsafah pemikiran Melayu telah mengalami pelbagai perubahan dan revolusi yang panjang dalam sejarah bangsa Melayu di Kepulauan Melayu-Indonesia. Buku ini merupakan kupasan tentang falsafah dan logika pemikiran Melayu yang menjadi asas kepada pembentukkan jati diri bangsa Melayu. Terbahagi kepada dua bahagian dimana ia membincangkan tentang falsafah dan logika secara teori dengan menjelaskan konsep-konsep pentingnya secara umum. Islam telah menjadi unsur pengaruh paksi tamadun Melayu daripada pemikiran yang bercampur baur antara fahaman animisme Hindu-Buddha dalam sistem pemikiran dan falsafah bangsa Melayu. Islam juga telah mereformasikan falsafah dan pemikiran orang Melayu dengan bertitik-tolak daripada kerangka pemikiran yang berlandaskan al-Quran, Sunnah, Qias dan ijmak ulama. mencuit hati.

SINOPSIS BUKU




SHAHRULAZMI SIDEK
Berani Berubah
Daripada Sebutir
Jagung
Bangi, Selangor :
KarnaDya Solutions,
2010. 205ms.
ISBN 978-967-5367-60-1

Buku ini merupakan sebuah buku berbentuk motivasi. Penulis cuba memberikan semangat untuk mereka yang ingin melakukan perubahan. Semua orang ada cita-cita untuk berhijrah atau berubah. Hijrah atau berubah daripada satu perkara yang kurang baik kepada yang lebih baik atau daripada yang sudah bagus kepada yang lebih bagus. Di hadapan kita banyak peluang untuk kita melakukan perubahan. Bukan mudah untuk kita berubah, jika tidak memahami erti hijrah, halangan-halangan hijrah serta realiti sebenar perjalanan hijrah boleh menyebabkan kita tersungkur diperjalanan sebelum sampai ke destinasi sebenar. kita perlu bersedia dari segi mental dan fizikal. Kita perlu bersedia dari sebarang kemungkinan yang akan kita hadapi semasa kita melakukan perubahan. Oleh itu, kita jangan mudah mengalah kerana jika semua yang tidak mudah itu dapat dicapai dengan mudah.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



KAMAAZURA MD KAMEL
Dari Kamar Syariah
Shah Alam : Karya Bestari,
2010. 263ms.
ISBN 978-967-86-0349-2

Buku ini adalah siri soal jawab mengenai kemosyikilan masyarakat Islam yang berlaku sekarang ini. Penulis merupakan seorang peguam Syariah yang mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam memberi panduan serta nasihat berkaitan permasalahan keluarga Islam. Isi kandungan buku ini dibahagikan kepada empat iaitu perkahwinan, perceraian, hak dan nafkah dan harta pusaka, wasiat dan hibah. Untuk bahagian perkahwinan bermulanya dari perkara yang berkaitan dengan pertunangan, memfarak perkahwinan dan lain-lain lagi. Pada bahagian perceraian ianya kes-kes yang berkaitan seperti tebus talak, cerai SMS, sulh, bubar perkahwinan dan beberapa isu lain. Bahagian ketiga berkenaan dengan hak dan nafkah seperti hak penjagaan anak, mutaah, anak angkat, bekas suami cuai nafkah anak dan sebagainya. Seterusnya berkaitan dengan kes harta pusaka, wasiat dan hibah seperti penzahiran hasrat, bahagian pusaka setelah suami meninggal, kakak tiri tuntut harta warisan ibu, KWSP arwah ayah dan beberapa isu semasa yang sentiasa menjadi persoalan masyarakat. Buku yang mengandungi 263 muka surat ini dapat membantu pembaca dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan perundangan syariah.


SINOPSIS BUKU



MOHD SYUKRI HANAPI
Di Sebalik Diri: Kenali Baik Buruk Yang Mencorakkan Diri Anda.
Ed. Kemas Kini
Kuala Lumpur : Must Read, 2010. 204ms.
ISBN 978-967-5426-17-9

Surah al-Mukminun ayat 1 hingga 11, Allah telah memberi lima garis panduan untuk seseorang yang mahu berjaya di dunia dan di akhirat. Kemantapan buku ini diselangi dengan firman Allah dan hadis Nabi sebagai penguat kepada isi kandungan bahan tersebut. Dijelaskan betapa istiqamah itu suatu perkara yang sangat penting bagi setiap umat Islam dan sangat dituntut oleh agama dan dapat dibentuk dengan menanam matlamat ingin berjaya dalam kehidupan di dunia dan di akhirat berdasarkan al-Quran dan Hadis. Sikap sabar pula akan membantu menjayakan matlamat kehidupan insan yang dikehendaki kerana tidak akan ada kejayaan di dunia dan tidak akan ada kemenangan di akhirat kecuali dengan kesabaran. Sifat mahmudah seterusnya iaitu memberi maaf dan berlapang dada kepada setiap orang apabila terdapat kesalahan. Sifat malu, berjimat cermat, berani menegakkan kebenaran, amanah, menepati janji, tolong menolong, berbudi bahasa, berdedikasi dalam menjalankan tugas, pemurah dan dermawan, berbakti kepada ibu bapa, berbuat baik kepada jiran tetangga, berbudi kepada orang bukan Islam, tidak bersifat riak dan menjauahkan diri dari sifat mazmumah seperti fitnah, dengki, khianat dan lain-lain lagi, juga dijelaskan oleh penulis di dalam bukunya.

SINOPSIS BUKU




SAJIDIN JAIS
Diagnosis Tapak Tangan
: Kenal Pasti Tanda
Penyakit
Shah Alam : Alaf 21,
2010. 126ms.
ISBN 978-983-124-557-6

Buku diagnosis tapak tangan memaparkan panduan asas untuk mengenal pasti penyakit-penyakit yang timbul. Buku ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu analisis tapak tangan dan sistem imun tubuh. Tapak tangan manusia mengandungi 1001 rahsia tentang kesihatan seseorang individu. Menurut buku ini, banyak urat-urat di telapak tangan menjelaskan situasi organ-organ dalam tubuh badan kita. Antaranya ialah tompok-tompok putih pada tapak tangan menunjukkan banyak angin berada dalam tubuh badan, telapak tangan pucat dan bewarna kuning menunjukkan ada masalah pada hati. Manakala tubuh badan manusia memiliki sistem imun yang sangat canggih dan kompleks. Bermula dari deria mata, hidung, mulut sehingga ke hati dan ginjal, semuanya dilengkapi dengan sistem pelindung dari bakteria dan kuman pembawa penyakit. Namun terdapat beberapa perkara yang melemahkan sistem imun tubuh manusia termasuk antibiotik, X-ray, vaksinasi, kemoterapi, kosmetik dan lain-lain.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



WAN JUNAIDI TUANKU
JAAFAR
**Evolusi Parlimen Dan
Evolusi Speaker
Parlimen Malaysia**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka,
2010. 219ms.
ISBN 978-983-46-0641-1

Buku ini menceritakan tentang evolusi Parlimen Malaysia yang bermula dengan perancangan yang termaktub dalam triti yang ditandatangani antara negeri Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dengan Perak pada tahun 1895. Dijelaskan juga bahawa Majlis Persekutuan Tanah Melayu bukan berbentuk Majlis penggubalan dasar dan undang-undang tetapi lebih berbentuk Majlis Penasihat Tertinggi kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Buku ini juga menghuraikan secara ringkas tentang perkara-perkara yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, dan pentadbiran Tentera British dari tahun 1945-1947 dalam konteks Majlis Persekutuan Tanah Melayu. Buku ini juga mendedahkan mengenai tugas, tanggungjawab dan penglibatan setiap individu yang menjadi Speaker Majlis Undangan Persekutuan dari tahun 1953-1959 dan seterusnya dilantik menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

SINOPSIS BUKU



A. SHUKOR RAHMAN
**Flying Colours Of
Tanjung: The Story Of
Penang Malays**

Pulau Pinang : A Shukor Rahman, 2010. 160ms.
ISBN 978-967-10010-0-4

This book contains 160 pages featuring Penang. An author begins their book with the question of who is open or find Penang. The island residents are proud to be the port of traders and richest heritage. Reveal the history of Penang and Kedah to do with the story that is not to be forgotten by historians of Tanah Melayu. Life community in the 19th century are depicted in this book is beautiful even if no development like today such as intermarriage and among the Muslim community they have the rule to guide their life. The author writes about a history of Boria performances, one of the famous festivals in Penang but a modern boria performance begins with a comic sketch, and this is followed by a song and dance featuring a combination of choral and solo parts, the lyrics amplify the gist of the comic sketch. The list ‘anak Melayu Tanjung’ that came from different background, from just a simple kampong boy became top academician, from the carpenter became Penang’s leading antique dealer, and so on. This book basically makes readers understand public figures from Penang and formally success in their life.

SINOPSIS BUKU




KHUZAIMAH SULAIMAN
Guru Pemimpin 360°
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 117ms.
ISBN 978-967-369-024-4

Guru merupakan pemegang amanah penjana modal insan negara pada masa hadapan. Justeru, guru perlu terlebih dahulu memastikan bahawa mereka sendiri berkesan dan cemerlang, sekali gus dapat mengangkat martabat mereka. Buku ini mampu memberi kesan dan impak yang mendalam kepada individu yang bergelar guru. Kesemua 99 kisah benar disusun oleh penulis mengikut prinsip *Lead Up*, *Lead Across* dan *Lead Down* boleh dijadikan contoh dan inspirasi dalam membina budaya kerja yang lebih cemerlang dalam profesi perguruan. Buku ini juga turut mengupas amalan kepimpinan dan pengurusan yang sebenar berlaku di sekolah dari sudut kepimpinan yang diutamakan oleh Maxwell dan disusun dengan begitu rapi oleh penulis. Buku yang sangat praktikal dengan perkongsian pengalaman bagaimana kecemerlangan diri dapat dibentuk serta mampu melonjakkan pemikiran yang positif ke arah yang kita impikan. Kesemua koleksi kisah benar ini mampu memberi sumber inspirasi, motivasi dan bimbingan kepada semua peringkat guru, dari guru biasa dan di bilik darjah hingga kepada pemimpin atasan untuk menjadi pemimpin 360° yang berkesan dan cemerlang. Buku ini mesti dimiliki oleh semua lapisan pendidik supaya dapat melaksanakan tugas dengan lebih cemerlang.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




BAHARUDIN ALI
MASROM
**Ikon Dua Zaman : Tun
Perak Dan Tun Razak**
Kuala Lumpur :
Penerbitan Ilham Baru,
2010. 147ms.
ISBN 978-967-5642-04-3

Buku ini menceritakan tentang ikon pemimpin Melayu di dua zaman iaitu Tun Perak dan Tun Razak dari segi jasa dan sumbangan mereka dalam pembinaan bangsa dan negara. Walaupun kedua-dua tokoh ini dipisahkan oleh jarak masa lebih kurang 500 tahun, kedua-dua individu ini amat menonjol pada zaman masing-masing. Tun Perak menjadi Bendahara Kesultanan Melayu Melaka selama 42 tahun di bawah pemerintahan empat orang Sultan (1456-1498). Tun Razak pula telah menerajui Malaysia selama 19 tahun, iaitu 13 tahun sebagai Timbalan Perdana Menteri dan 6 tahun sebagai Perdana Menteri di bawah naungan enam orang Yang DiPertuan Agong (1957-1976). Keperibadian dan sumbangan kedua-dua tokoh ini amat wajar dijadikan contoh teladan kepimpinan berintegriti dalam pembaharuan dan pembangunan kepada negara.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ABDUL ALIM ABDUL
RAHIM

Ilmu Pengakap. Ed. Ke-3
Shah Alam : Oxford Fajar,
2010. 305ms.
ISBN 978-983-45079-23

Buku ini merupakan edisi ketiga yang telah dikemaskini dan dibuat penambahbaikan dengan maklumat yang terkini supaya selaras dengan perkembangan pergerakan Pengakap Malaysia masa kini. Antara tajuk baru yang dimasukkan dalam edisi ini adalah buku log, kurikulum pengakap, misi, visi dan prinsip pergerakan pengakap. Buku ini sesuai digunakan oleh pegawai pengakap negeri atau daerah, pemimpin pengakap sekolah, Kelana Siswa, guru pelatih dan kepada mereka yang berminat untuk menyertai pasukan pengakap atau yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang pasukan pengakap. Buku ini akan dapat membimbing pembaca tentang cara untuk menjadi ahli pengakap yang berkemahiran kerana banyak ilmu pengakap telah dimuatkan di dalam buku ini. Ilmu-ilmu asas pengakap dijelaskan secara mudah dan terperinci untuk pemahaman pembaca.

SINOPSIS BUKU



SHAHRIL MARZUKI,
RAHIMAH HJ. AHMAD,
HUSSEIN HJ. AHMAD
**Kepimpinan Pengetua
Menjana Modal Insan Di
Sekolah Berkesan**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 338ms.
ISBN 978-967-369-025-1

Buku ini merupakan rangkuman penulisan 12 orang pensyarah kanan di Institut Pengajian Kepengetuaan (IPK), Universiti Malaya. Mereka berpengalaman luas memberi kuliah dalam bidang kepimpinan pengetua dan pengurusan sekolah menengah. Saranan amalan kepimpinan pengetua yang memfokuskan usaha menjana modal insan dikupas dengan baik khususnya daripada aspek pengurusan, usaha penambahbaikan dan nilai kepimpinan di sekolah berkesan. Buku ini mempunyai sebanyak 12 bab yang membincangkan tentang kepенgetuaan sekolah, pentaksiran untuk pembelajaran, pelaksanaan inovasi, kepimpinan instruksional dan pembentukan teori kepimpinan. Melalui pembacaan buku ini akan dapat menyuntik semangat dan mencetuskan kesedaran dalam kalangan pemimpin pendidikan, pemimpin sekolah, dan juga pelajar-pelajar kepimpinan pendidikan melakukan penambahbaikan amalan kepimpinan kepenegetuaan.


SINOPSIS BUKU



MUMTAZ BEGAM ABDUL
KADIR
**Kerja Bukan Kerana
Pangkat**
Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors,
2010. 158ms.
ISBN 978-967-61-2401-2

Kita bekerja adalah untuk mencari rezeki. Kita juga bekerja untuk memberi khidmat kepada organisasi. Apabila kita bekerja, tugas yang diberikan kepada kita haruslah dilaksanakan dengan baik. Jika kita memberi tumpuan kepada tugas yang diberikan, akan timbul rasa positif yang boleh membawa kita kepada kejayaan. Individu yang ingin berjaya dalam kerjaya perlu berusaha dan memusatkan perhatian mereka pada usaha yang sedang mereka lakukan. Setiap orang Islam digalakkan supaya sentiasa bekerja keras dan berusaha menghasilkan sesuatu yang lebih baik. Nikmat dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan hanya akan dapat mencapai kepuasan. Kepuasan adalah kemuncak kepada segala usaha yang telah dilakukan dan amat berkait rapat dengan ganjaran yang diidamkan. Ramai yang akan kecewa sekiranya tidak mendapat atau gagal menikmati ganjaran seperti yang diharapkan. Banyak kekecewaan berlaku apabila matlamat kerja adalah semata-mata demi ganjaran materialistik sahaja. Walhal, menikmati pekerjaan sebenarnya bermula dengan keasyikan kita pada pekerjaan. Dengan itu, kita akan dapat merasakan sesuatu keselesaan dan kedamaian dalam tugas sehari-hari.

SINOPSIS BUKU




Kesusasteraan Melayu Moden (1970-1979)
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
2010. 535ms.
ISBN 978-983-46-0388-5

Tun Abdul Razak dalam perancangan pembangunan negara pada tahun 1970 menyatakan, empat perkara penting dalam pembangunan negara ialah meninggikan taraf kehidupan rakyat, agama, bahasa dan sastera. Peristiwa 13 Mei menjadi permulaan kepada pembinaan karya sastera di Malaysia pada dekad ini. Dimulai dengan sejarah perkembangan sastera di Malaysia dengan tertubuhnya GAPENA dan beberapa persatuan sastera yang turut memperjuangkan Bahasa Melayu dan sastera. Buku ini turut menjelaskan sumbangan dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka kepada perkembangan kesusasteraan pada era 70an dan pada era tersebut puisi terhasil sebagai pengucapan seni yang membawa kebenaran, tanpa propaganda. Kecenderungan seseorang penyair, penulis dan penyajak dalam penghasilan karyanya adalah berbeza-beza genre pilihan mereka. Buku ini membawa pembaca mengenali corak karya tokoh-tokoh tertentu seperti Zurinah Hassan, Zaihasra, Siti Zainon Ismail, T. Alias Taib, Ismail Zamzam, Suhaimi Haji Muhammad, Kemala, A. Ghafar Ibrahim dan beberapa orang tokoh lagi hingga kini masih lagi berkarya. Sumbangan mereka tidak dinafikan bagi meneruskan pengkayaan warisan sastera tanah air. Pembaca yang meminati sastera harus membaca buku ini sebagai tambahan ilmu mengenai sastera di Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



COVEY, STEPHEN R.
The Leader In Me. Ed.
Bahasa Melayu

Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 294ms.

ISBN 978-967-5226-95-3

Bagi memenuhi kehendak era globalisasi, anak-anak perlu dilengkapkan dengan pelbagai ilmu supaya mereka dapat berfikir sendiri, berdikari, mengambil inisiatif dan bekerjasama. Buku ini adalah himpunan kisah anak-anak dan generasi muda di sekolah, ibu bapa, pendidik profesional ataupun pemimpin bisnes yang mempersiapkan anak-anak mereka dengan menerapkan '7 tabiat' ke dalam diri setiap anak supaya dapat menghadapi cabaran masa hadapan. Bermula dari sekolah rendah, murid diberi peluang memimpin dan akhirnya percaya mereka mampu menjadi pemimpin pada masa hadapan. Turut disertakan contoh dan teknik yang digunakan. Selain itu, buku ini memaparkan secara jelas bagaimana untuk menerapkan kemahiran yang diperlukan dalam kehidupan kita seharian. Buku ini sesuai dibaca oleh pelajar-pelajar bidang pendidikan, guru pelatih, guru sandaran atau sesiapa sahaja untuk mempertingkatkan teknik pengajaran dan pembelajaran mereka. Dengan cara menerapkan '7 tabiat' iaitu proaktif, mula dengan matlamat di minda, utamakan perkara penting dahulu, fikir menang-menang, usaha untuk memahami dahulu kemudian untuk difahami, bersinergi dan tajamkan gergaji di dalam diri, akan dapat membantu para pelajar berjaya di sekolah, kolej, tempat kerja dan seterusnya di dalam hidup mereka.

SINOPSIS BUKU




SCHWARTZ, DAVID J.
**The Magic Of Thinking
Big = [Berfikir Dan
Berjiwa Besar]**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 359ms.
ISBN 978-967-3690-11-4

Kejayaan bermaksud banyak perkara yang hebat dan positif terjadi dalam seseorang individu. Kejayaan juga bermaksud kebebasan iaitu bebas daripada kegagalan dan perasaan negatif seperti bimbang, takut dan kecawa. Semua orang mengimpikan kejayaan dalam kehidupan. Cara mana kejayaan dapat direalisasikan adalah bergantung kepada corak pemikiran dan daya usaha individu tersebut yang menentukan. Corak pemikiran positif yang terkandung di dalam buku ini amat bertepatan dengan keupayaan manusia untuk mengawal dan memanfaatkan keistimewaan akal fikiran. Cara fikiran bergerak dengan azam yang kuat dan tanpa menyerah kalah adalah amat penting. Keyakinan adalah kunci utama bagi segala-galanya. Dengan keyakinan seseorang yang positif dan serba boleh, keyakinan itu menjana daya, kemahiran dan tenaga yang diperlukan mencapai sebarang matlamat yang disasarkan. Apabila ada keyakinan, maka cara mencapai objektif yang ditetapkan muncul dengan sendirinya dalam fikiran kita.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




SHAMSUDDIN KADIR
Makan Gaji Tetapi Kaya.
Ed. Kemaskini
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 186ms.
ISBN 978-967-369-023-7

Buku ini mampu memberikan inspirasi kepada pembaca untuk menguruskan pendapatan dan kewangan peribadi dengan baik dan tidak dibebani hutang. Majoriti daripada masyarakat pada hari ini banyak menanggung hutang disebabkan empat faktor utama iaitu terperangkap dalam kehidupan di luar batasan kewangan, psikologi, agama dan cara berfikir yang tidak bersesuaian. Ilmu pengetahuan berperanan menjaga dan memastikan kita mengenali perkara baik dan buruk. Berlainan dengan wang, kerana kita yang perlu menjaganya. Wang akan membutakan manusia tanpa bimbingan ilmu. Kebijaksanaan merancang kewangan pada masa hadapan amat penting bagi memastikan kehidupan yang tenang dan bahagia dengan bekalan wang yang berterusan. Buku ini turut memberikan contoh dan peristiwa yang dapat dijadikan panduan serta iktibar berguna kepada pembaca.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




GHAZALLY ISMAIL &
SALINA GHAZALLY
**The Malaysian
Rainforest Realm :
Fascinating Facts In
Q&A**

Shah Alam : Marshall
Cavendish Editions, 2010.
248ms.
ISBN 978-983-3845-44-6

The tropical rainforest and its diversity (from the plants, animals and people to their behaviour and natural environment) together represent and celebrate the endless variety of life that coexist in harmony in this unique ecosystem. But rainforests throughout the world are fast disappearing, pushing many valuable species of plants and animals to the edge of extinction. Mankind has always sought wisdom, success, peace, tranquility and resilience from nature. From an understanding of the rainforest and its components, we can derive both the knowledge and wisdom to better shape our identity, lifestyle and self-awareness. Rainforest have never ceased to reveal some of the surprising ways in which the flora and fauna help teach, heal and strengthen people, in body, mind and spirit.


SINOPSIS BUKU



ISHAMMUDIN HJ.
ISMAIL
**Manual Kaunseling
Kontemporari : Apa,
Mengapa & Bagaimana?**
Kuala Lumpur : Pusat
Ilmu Jelatek, 2010.
384ms.
ISBN 978-983-9393-15-6

Konsep dan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling adalah satu realiti dan semakin berkembang pesat pada masa kini. Dengan itu, penulis telah menghasilkan buku ini bagi membantu mereka yang berminat dan mahu mendalami ilmu bimbingan dan kaunseling dengan lebih berkesan. Ianya adalah hasil daripada pengalaman penulis yang mengajar dan memberi ceramah kaunseling. Antara topik yang menarik adalah mengenai etika kaunselor, proses kaunseling, teknik dan kemahiran asas kaunseling, sifat-sifat yang perlu ada pada seseorang kaunselor dan sebagainya yang berkaitan dengan ilmu bimbingan kaunseling. Melalui pembacaan buku ini, pembaca akan memperoleh faedah dan asas ilmu kaunseling yang mencukupi untuk melibatkan diri dalam bidang kaunseling dan menjadi seorang kaunselor yang baik.


SINOPSIS BUKU



MUHAMMED SALEHUDIN
AMAN
Mari Kita Berbahasa. Jil. 3
Seri Kembangan, Selangor :
Citra Kurnia Enterprise,
2010. 169ms.
ISBN 978-967-5378-07-2

Buku *Mari Kita Berbahasa Jilid 3* diterbitkan kerana mendapat sambutan yang amat memberangsangkan daripada pengguna dan pencinta bahasa Melayu yang mendukung cita-cita iaitu memantapkan penggunaan bahasa Melayu dengan menampilkan lebih banyak topik yang sering menimbulkan masalah kepada pengguna bahasa. Turut dimuatkan topik-topik yang merangkumi soalan-soalan yang diajukan kepada penulis sendiri. Setiap topik dikupas secara terperinci dalam bentuk yang mudah difahami oleh pembaca. Setiap yang membaca buku ini akan berasa seolah-olah berhadapan dengan seorang guru yang amat berpengalaman dan berilmu tinggi. Buku ini sesuai untuk bacaan setiap lapisan masyarakat terutamanya individu yang ingin memperluaskan penggunaan bahasa Melayu.


SINOPSIS BUKU



HANXIAO @ INDAH
**Melayu Bandar :
Menongkah Cabaran
Merubah Penghidupan**
Kuala Lumpur : Jabatan
Penerangan Malaysia,
2010. 183ms.

Buku ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana ia adalah hasil kajian yang dijalankan oleh seorang warga Beijing. Dengan menggunakan cara penyampaiannya yang tersendiri, Han Xiao yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya telah berjaya mencungkil secara mendalam mengenai perubahan nilai-nilai sosial yang dialami keluarga Melayu di bandar berikutan proses perbandaran dan pemodenan. Perbahasan mengenai bagaimana perubahan tersebut memberi kesan terhadap perlakuan golongan remaja yang terjerumus dalam gejala sosial, seperti kegiatan mak nyah, bohsia, mat rempit, pengid dan mengamalkan pergaulan bebas. Kurangnya peranan ibu bapa dalam memberi fokus sepenuhnya kepada perkembangan tumbesaran anak-anak mereka kerana terlalu mementingkan kerjaya untuk memenuhi tuntutan ekonomi, mengakibatkan perasaan dan perkembangan anak-anak mereka terabai. Keseluruhan pendedahan ini berasaskan penyelidikan yang dilakukan terhadap 47 buah keluarga Melayu berpendapatan rendah yang mendiami rumah pangsa 17 tingkat di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur. Disertasi ini amat berguna bagi mengetahui kehidupan dan masalah yang mendepani sekelompok masyarakat Melayu berpendapatan rendah di ibu kota.


SINOPSIS BUKU



CHAMIL WARIYA, DATO'
Memapar Realiti :
Prinsip-Prinsip Utama
Dan Asas Kewartawanan
Siaran
Kuala Lumpur : Media
Global Matrix, 2010.
232ms.
ISBN 978-983-44256-6-1

Buku ini dihasilkan bagi memanfaatkan pengalaman penulis yang hampir 10 tahun berkhidmat dengan bilik berita TV3, iaitu antara tahun 1998 hingga 2007. Kini penulis berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Press Institute (MPI), sebuah Pusat Latihan Kewartawanan di Kuala Lumpur. Buku ini merupakan yang pertama seumpama ini di pasaran dan penulisannya dibuat dalam bentuk popular. Penulis telah menambah beberapa topik tambahan yang mengaitkan kewartawanan televisyen dengan undang-undang, kebebasan dan sekatan, kod etika dan garis panduan serta amalan-amalan terbaik kewartawanan televisyen selepas mengikuti kursus media dan undang-undang selama tiga hari anjuran Malaysian Press Institute (MPI). Penulis berharap apa yang dipaparkan dalam buku ini akan dijadikan pencetus untuk para pengkaji kewartawanan televisyen Malaysia untuk menghasilkan karya-karya lain untuk melengkapkan dan menyempurnakan usaha awal penulis. Amat sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan para pelajar kewartawanan di pusat-pusat pengajian tinggi dan dibaca oleh sesiapa sahaja yang berminat dengan kewartawanan televisyen dan bukan televisyen. Ia juga amat berguna untuk para pelajar sekolah khususnya mereka yang bercita-cita untuk menjadi wartawan.

SINOPSIS BUKU



RAMLI ABDUL RAHIM
**Memoir Seorang
Juruterbang Sulaiman
Sujak**

Shah Alam : JRAS
Corporation, 2010. 128ms.
ISBN 978-983-3900-52-7

Buku ini yang ditulis oleh Mejar Ramli Abdul Rahim (Bersara) TUDM, merupakan catatan sejarah ringkas perjalanan hidup yang dilalui oleh bekas Ketua Turus Tentera Udara Air Vice Marshal Tan Sri Dato' Sulaiman Sujak yang merupakan anak Melayu pertama memegang tampuk kepimpinan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) pada tahun 1967. Sejarah awal pembabitannya dengan dunia ketenteraan bermula dengan penglibatannya sebagai Kadet Sekolah Air Training Corps di Singapura dan juga dalam Malayan Auxiliary Air Force Singapore Wing sehingga sampai ke tahap menerima sayap penerangan daripada Gabenor British di Singapura. Buku ini akan memberi inspirasi untuk generasi akan datang bagi menghadapi kehidupan yang mencabar tidak kira di mana baik sektor swasta, awam atau ketenteraan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




AHMAD MARZUKI ISMAIL
**Merentasi Diri Dalam
PLKN**

Subang Jaya, Selangor :
Progress Event, 2010.
94ms.

ISBN 978-983-44955-0-3

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan kursus latihan wajib bagi pelajar yang baru menamatkan pendidikan sekolah menengah di Malaysia. Ia bertujuan bagi pembinaan sahsiah diri bermatlamat membina dan mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Buku ini dibahagikan kepada empat bab yang menerangkan tentang pengenalan kepada kepentingan PLKN bagi meningkatkan kecerdasan melibatkan diri dalam proses pengharmonian kepada negara. Bab 2 menerangkan cara-cara untuk membina sahsiah diri, dengan meneroka dan menganalisis diri selain mengenepikan sikap rasis. Bab 3 pula menerangkan kaedah untuk mengejar kejayaan dan kecemerlangan dengan mencipta tanggungjawab, meneliti permasalahan diri sendiri, mengurus diri sendiri dengan baik, menjana diri untuk memperoleh keputusan yang baik dan memotivasi diri secara berterusan. Bab 4 pula merupakan kesimpulan dan penutup.

SINOPSIS BUKU




AFFENDY HASSAN
Misai Kucing : Panduan Lengkap Jana Pendapatan
Shah Alam : Alaf 21, 2010.
90ms.
ISBN 978-983-124-564-4

Tanaman herba seperti misai kucing adalah satu tanaman pertanian yang berpotensi untuk dilakukan sama ada kecil-kecilan atau besar-besaran. Mungkin kita tidak menyedari selama ini bahawa tumbuhan ini sebenarnya boleh didapati di tepi-tepi jalan tanpa disedari. Tiada siapa dapat menyangka bahawa ia sebenarnya mempunyai khasiat dalam perubatan dan boleh menjadi sumber pendapatan tambahan. Selain daripada khasiatnya yang terbukti dalam bidang perubatan tradisional mahupun moden, ia amat berpotensi sebagai salah satu tanaman yang dapat memberi keuntungan pada pendapatan. Ia amat berpotensi untuk lebih dikomersialkan di dalam negara. Sebenarnya kita masih lagi mengimport herba mentah dari negara jiran bagi menyokong industri farmasi atau ubat-ubatan di negara kita. Dalam buku ini dinyatakan perkara-perkara penting dalam penanaman misai kucing bermula daripada keperluan asas seperti keperluan cahaya yang sesuai dan jenis tanah. Selain itu, cara penanaman di tapak semaian, penanaman tunggal atau selingan di bawah pokok, cara pembajaan dan juga analisa kewangan projek sekiranya dijalankan dengan baik.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




SUSUMU, SEKINE **Panjangkan Usia Pesakit Kanser**

Kuala Lumpur : Tombo Enterprise, 2010. 318ms.
ISBN 978-967-5625-00-8

Kanser bukan sahaja penyakit yang tidak dapat diubati yang mengganggu ketenteraman jiwa dan kesihatan fizikal pesakit. Berkat semangat untuk terus hidup penulis berjaya memupuk 20 jenis kuasa yang membantu mengembalikan sinar hidupnya. Beliau sudi berkongsi pengalamannya untuk membantu pesakit yang sama seperti beliau supaya mengharungi kanser dengan tabah dan bersemangat untuk terus hidup bersama kanser, serta melakukan apa yang ingin dilakukan. Gabungan rawatan perubatan tradisional Cina (TCM) dan perubatan Barat telah dapat menyembuhkan kanser Esofagus beliau. Buku ini bukan sahaja sebagai panduan rawatan malah memberi motivasi kepada pesakit-pesakit kanser dan ahli keluarganya. Menurut penulis gaya pemakanan "Yin" dan "Yang" adalah keadaan yang menjadikan seseorang itu sihat dan panjang umur. Dikatakan pengambilan makanan yang kaya dengan serat boleh membantu membuang keluar bahan toksin berasid dari badan dan membantu melangsingkan badan. Pembaca juga dibekalkan dengan alamat-alamat laman web yang boleh dilayari untuk menambahkan lagi pengetahuan mengenai makanan-makanan dan panduan-panduan yang dicadangkan oleh penulis sebagai rawatan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




MUHD MANSUR
ABDULLAH, SITI
NORDINAR MOHD.
TAMIN

**Pengantar Kaunseling.
Ed. Ke-2**

Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka,
2010. 521ms.
ISBN 978-983-46-0562-9

Buku ini mengutarakan kaunseling dari segi teorinya dan juga membantu para pembaca dan pengguna tentang proses dan aplikasinya sekali. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dimaksudkan ini merujuk kepada perkhidmatan dan layanan yang disediakan serta program atau aktiviti yang dijalankan oleh pihak perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sama ada di sektor pendidikan mahupun sektor-sektor lain. Matlamat bimbingan dan kaunseling adalah untuk membimbing orang yang mendapat perkhidmatan bimbingan dan kaunseling itu kerah kegiatan yang lebih produktif dan mendapat kepuasan dalam dirinya yang lebih besar. Penulis juga yakin bahawa dengan membaca buku ini pembaca akan mendapat gambaran sepantas lalu dengan jelas tentang apakah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling itu sebenarnya dan bagaimana pembaca dapat manfaatkan dalam kehidupan sehari-hari.


SINOPSIS BUKU



**Pengurusan Jenazah :
Menyempurnakan
Tuntutan Fardu Kifayah**
Seri Kembangan,
Selangor : SNS Print &
Bind, 2010. 195ms.
ISBN 978-967-5870-00-2

Pengurusan jenazah merupakan tuntutan fardu kifayah yang seharusnya tidak diabaikan oleh setiap muslim. Tanggapan bahawa tugas ini adalah tanggungjawab pegawai masjid atau badan khairat kematian sahaja adalah tidak tepat. Kematian merupakan satu kepastian yang akan dilalui dan ketetapan yang pasti mendatangi setiap yang bernyawa. Setiap orang perlu berpengetahuan bagi mengurus mereka yang tersayang yang terlebih dahulu dipanggil menemui llahi. Pengetahuan mengenainya perlu diperolehi sekalipun tidak dapat dikuasai sepenuhnya. Buku ini mengupas secara teori dan praktikal yang boleh dijadikan asas dan panduan pelaksanaan pengurusan jenazah, iaitu melalui empat kaedah. Antaranya memandikan jenazah, mengafangkan jenazah, melaksanakan solat jenazah dan pengebumian jenazah.


SINOPSIS BUKU



ABDULLAH HUSSAIN,
DATO'
**Proses Kreatif : Satu
Pengalaman Rohani**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka,
2010. 271ms.
ISBN 978-983-46-0600-8

Buku ini mengandungi dua bahagian bentuk penulisan yang telah diilhamkan oleh Sasterawan Negara Dato' Abdullah Hussain sepanjang pembabitannya dalam bidang ini. Bahagian pertama merupakan coretan sebanyak 24 judul novel yang dihasilkan, melaluinya terselit pengalaman dan kisah yang dimilikinya sendiri. Manakala dalam bahagian kedua terdiri daripada kisah-kisah yang berbentuk cerpen. Tulisan beliau adalah berdasarkan kepada pengalaman sendiri dan keadaan sosial masyarakat pada masa itu. Kisah beliau bermula dari kampung di Kedah yang luas dengan sawah padi hingga menjadi penghuni kota sebagai seorang penulis. Idea-idea yang telah beliau hasilkan berjaya digarap secara kreatif dan bersahaja. Pendedahan yang memancarkan betapa panjangnya perjalanan hidup dan luasnya pengalaman yang dilaluinya sangat menarik dan untuk dikongsi bersama dengan pembaca.


SINOPSIS BUKU



SAMSUDIN YAACOB
Proses Pembentukan
Kontrak Perkhidmatan
Sektor Swasta
Serdang, Selangor :
Penerbit Universiti Putra
Malaysia, 2010. 149ms.
ISBN 978-967-344-134-1

Buku ini dapat dijadikan panduan kepada para majikan, pekerja serta para pembaca amnya untuk memahami proses pembentukan kontrak perkhidmatan antara majikan dan pekerja. Untuk melahirkan pengurusan sumber tenaga manusia yang cekap, kebajikan pekerja perlu diberi perhatian dalam mengekalkan perhubungan industri yang harmoni dengan majikan. Undang-undang perburuhan terutama Akta Kerja 1955 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 adalah merupakan panduan penting bagi majikan untuk mematuhi peraturan di dalamnya. Setiap kaktangan terutama dalam sektor swasta perlu mempunyai pengetahuan serta maklumat berkaitan hak-hak serta tanggungjawab antara majikan dan pekerja. Peranan majikan adalah berkaitan dengan penggunaan sumber manusia secara efektif untuk mencapai matlamat organisasi, kepuasan dan kebajikan pekerja. Ia boleh dijadikan sebagai landasan ke arah melahirkan rasa tanggungjawab serta menghormati hak-hak orang lain.

SINOPSIS BUKU




PAKDI
**Rancang Wang Dari
Sekarang**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 162ms.
ISBN 978-967-369-015-2

Ramai antara kita tidak menyedari pentingannya perancangan kewangan yang perlu dilakukan mulai dari sekarang. Ramai antara kita menyedari kepentingannya apabila sudah tidak cukup wang atau hutang sudah bertambah. Buku ini membawa kita mengenali beberapa skop asas dalam pengurusan kewangan yang lebih Islami. Selain itu, kita juga boleh mengenal pasti dan berwaspada semasa meneliti tawaran yang tidak realistik di sekeliling kita. Sesetengah daripada kita juga masih tidak memahami secara mendalam mengenai kewajipan merancang kewangan mengikut cara yang halal dan berkat. Setiap wang yang kita perolehi itu akan dipersoalkan di hari akhirat kelak. Malah, sumber pendapatan yang diperolehi sama ada halal atau haram itu sendiri yang akan di suap ke mulut kita, anak-anak dan keluarga serta terus membentuk darah daging kita. Cuba kita bertanya pada diri sendiri, rezeki yang bagaimakah yang hendak kita suapkan ke mulut keluarga kita? sudah semesti yang halal! Bila perhatikan situasi sekarang asalkan mendapat pendapatan yang lumayan, semua itu tidak kita endahkan, jadi renung-renungkanlah. Wang anda, andalah yang menentukan. Jangan biarkan orang lain yang merancang dan mengawal wang anda.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



HASSAN HJ. ALLI, HASRI YUNARDI HASSAN
Reka Bentuk Perindustrian :
Pengurusan Pembangunan Idea
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
2010. 136ms.
ISBN 978-983-46-0506-3

Buku ini adalah kesinambungan daripada buku yang bertajuk *Reka Bentuk Perindustrian: Pengenalan*. Buku ini menceritakan tentang penghasilan sesuatu produk, serta pengurusan pembangunan idea dalam bidang reka bentuk perindustrian. Perbincangan dan kupasan secara terperinci berkaitan proses dalam reka bentuk yang bermula dengan penjanaan idea, perincian reka bentuk, pengeluaran dan pemasaran diketengahkan dalam buku ini. Selain itu, menerusi buku ini juga penulis membincangkan tentang idea, kreativiti dan inovasi. Keseluruhannya, perbincangan buku ini akan dapat difahami dan diikuti semua golongan pembaca kerana cara penyampaiannya mudah dan disokong dengan rajah dan gambar. Selain itu, pengetahuan dalam buku ini juga amat berguna sebagai panduan serta rujukan, terutamanya kepada bakal pereka bentuk perindustrian atau tenaga pengajar, sama ada yang akan mengikuti bidang ini di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi (kolej dan universiti) atau persatuan dan badan profesional pereka bentuk perindustrian.


SINOPSIS BUKU



MOHAMAD TAJUDDIN
MOHAMAD RASDI
**Rethinking Islamic
Architecture**
Petaling Jaya : Strategic
Information and Research
Development Centre,
2010. 191ms
ISBN 978-983-3782-89-5

Rethinking Islamic Architecture is a rich contribution to scholarship on the architecture of Southeast Asia, specifically Malaysia and Indonesia, from the perspective of an architect and historian grounded in the Sunnah. Islamic architecture has never undergone a sustained period of self-criticism and creative renewal. Arguing in favour of a return to humility, humanism and the eternal values of Islam, the author shows a way out of the impasse in Islamic architecture by a close reading of the Islamic sources in tandem with a re-examination of the work of visionary Western modernists. Rethinking Islamic Architecture challenges clients, architects, student and the general reader alike to rethink their assumptions and practices, and open their minds to a wealth of less explored possibilities.

SINOPSIS BUKU




FAIZATUL AZLINDA
AHMAD FUAD, MOHD.
JAMIL YAACOB
**Seni Debat : Panduan
Komprehensif**
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 193ms.
ISBN 978-967-369-016-9

Debat adalah perbahasan, pertentangan idea, pendapat dan buah fikiran. Debat menyemai pemikiran kritikal. Bersikap kritikal dalam konteks perdebatan bukan bermaksud sengaja mencari kesalahan pihak lawan. Ia lebih bersifat menyedarkan pihak lawan akan kesilapan, kelemahan dan kesalahan yang mungkin berdasarkan kepada fakta dan andaian yang salah. *Seni Debat: Panduan Komprehensif* membantu para pelajar, mahasiswa, guru dan sesiapa sahaja menjadi pendebat yang efektif. Perkara menarik yang dibincangkan dalam buku ini seperti kaedah pendebatan, teknikal dan taktikal perdebatan, masa persediaan, membina karektor pendebat, serta emosi ketika bertanding, penghakiman dan pemarkahan, menganalisa usul, kelebihan pendebat dan teknik berdebat.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



NIK SAFIAH NIK ISMAIL
**Soft Skills : The What,
The Why & The How**
Bangi, Selangor : Penerbit
Universiti Kebangsaan
Malaysia, 2010. 371ms.
ISBN 978-967-942-931-2

This book is about human experiences encounters with human values and human activities. It is written in simple language, which is intended to be light reading for the public at large. The first chapter, introduces you to the world of soft skills. The second chapter, explain in great length and depth what soft skills competencies are. It's also include examples, mostly of personal experience, some vicarious in nature while others are excerpts from television series and the news media, simplifies the meaning of many complex concepts and principles. The third chapter, adopts 'nursing' to portray soft skills at work because, of all the professions known to mankind, nursing is one that needs the most varied and intense soft skills competencies to succeed. The fourth chapter, this chapter has been written with great passion, reflecting years of teaching experience. The approaches are practical and easily applied. In this chapter also it makes you believe how good a teacher you have been to your students. It is because you have received quality education yourself. The last chapter, despels all negative thoughts about soft skills. The comprehensive summary and open-ended conclusions drive home a number of learning points about soft skills.


SINOPSIS BUKU



FAZILAH HUSIN
**Teater Melayu : Teks
Dan Eksperimentasi**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka,
2010. 307ms.
ISBN 978-983-46-0409-7

Teater aliran eksperimental telah berkembang di Malaysia sejak dekad 1970-an. Ia bermula dengan pementasan Bukan Lalang Ditiup Angin pada tahun 1970, di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Rentetan daripada pementasan karya Noordin Hassan itu, penonton telah disajikan dengan beberapa produksi lain yang membawa pementasan bersifat antirealistik. Kemunculan teater dengan konsep yang baharu itu telah mencetuskan polemik di kalangan pengkritik sastera tanah air kerana ia dianggap terlalu kebaratan dan bertentangan dengan nilai dan budaya masyarakat Melayu ketika itu. Pembaca juga dapat mempelajari teknik menulis drama-drama yang baik kerana sumber primernya terdiri daripada teks-teks yang telah diiktiraf sama ada dalam anugerah sastera, pertandingan, mendapat perhatian penerbit, ataupun telah diterbitkan. Buku ini juga menampilkan suatu penghuraian lengkap yang tentang bentuk dan struktur teks dramatik teater eksperimental Melayu dekad 1980-an dan 1990-an yang dapat menjadi rujukan generasi akan datang.

SINOPSIS BUKU



MAWDUDI, SAYYID
ABUL 'ALA, MAULANA
**Towards Understanding
Islam. New Rev. Ed.**
Kuala Lumpur : Dar Al
Wahi Publication, 2010.
232ms.
ISBN 978-983-43614-88

This book is an introduction to Islam by the eminent scholar Mawdudi, reflects his trademark rational, practical, and simple style of presentation. Leaving extended discussions of rituals to others, this work for the Muslim and non-Muslim alike focuses on what Muslims believe and why, devoting attention to the concept of God, Prophet hood in Islam and the practical nature of the Islamic law. It's provides all those persons, Muslims, non-Muslims who have no access to the original sources of Islam with a brief treatise giving a lucid, comprehensive and all-embracing view of Islam.

Towards Understanding Islam is one of those books which have changed the lives of many and set them along the Islamic path.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ABDUL GHANI
ABDULLAH
Transformasi
Kepimpinan Pendidikan
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2010. 175ms.
ISBN 978-967-369-014-5

Buku yang mengandungi sembilan (9) bab ini meneroka dan mencipta ruang peralihan tanggungjawab dalam melahirkan pimpinan sekolah berkesan. Tranformasi kepimpinan merupakan proses mempengaruhi, melatih, membimbing dan mengupayakan warga organisasi pendidikan melalui usaha berterusan. Kesannya akan dapat dilihat pada persekitaran, organisasi, kumpulan kerja, pertukaran interpersonal, perilaku kepimpinan dan kefahaman pemimpin berkenaan kepimpinan itu sendiri. Pemimpin sekolah seperti pengetua dan guru besar adalah penggerak, pencetus, pencipta, pelaksana, penilai organisasi ke arah menterjemah seluruh kekuatan dengan kesedaran berkaitan dengan amanah, tanggungjawab serta menginsafi betapa kakitangannya mempunyai pelbagai kerenah dalam mentranformasikan kepimpinan kepada warga sekolahnya. Penulis juga telah memberikan beberapa panduan serta langkah-langkah bagaimana untuk membangunkan sesbuah kumpulan ataupun organisasi serta ciri-ciri pasukan kerja yang berkesan supaya visi dan misi dapat dicapai. Jika ingin menambahkan kecemerlangan kepada sekolah, buku ini dapat membantu merealisasikan impian anda sebagai pengetua dan guru besar yang dihormati.